

Boleh kempen secara

BH 30 APR 2000

Oleh JAMHARIAH JAAFAR

KUALA LUMPUR: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun semua calon yang akan bertanding untuk merebut pelbagai jawatan peringkat tertinggi parti tidak dibenarkan menggunakan wang, tetapi mereka dibolehkan berkempen secara sah.

"Mereka tidak boleh menggunakan wang, tetapi dibenarkan berkempen secara sah iaitu dengan cara tidak melakukan sesuatu yang buruk... keputusan terletak pada tangan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium 'Jati Diri Melayu Abad 21' sempena pelantikan Kursi Za'aba oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai pertemuannya dengan calon ahli Majlis Tertinggi (MT) di kediamannya, di Putrajaya, malam kelmarin.

Tanpa memberitahu apakah bentuk kempen secara sah itu, Dr Mahathir berkata dalam pertemuan itu beliau hanya memberitahu situasi yang melanda parti itu sekarang dan meminta calon jangan burukkan lagi keadaan.

"Saya meminta meminta mereka tidak melakukan sesuatu yang boleh memburukkan populariti Umno," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, keputusan semua calon MT untuk tidak membabitkan politik wang

dan berkempen adalah sama dengan pendirian yang dibuat oleh calon Naib Presiden, Ketua, Naib Ketua Wanita dan Naib Ketua Pemuda, awal minggu ini.

"Ini bukan arahan saya dan dalam kes calon Naib Presiden, mereka yang mengambil keputusan mereka tidak akan menggunakan politik wang.

"Mereka juga boleh berkempen tetapi tidak terlalu nyata atau keterlaluan," katanya.

Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Isnin lalu, semua sembilan calon Naib Presiden, dua calon Ketua Wanita dan tiga calon Naib Ketua Pemuda, menandatangani ikrar bahawa mereka tidak akan menggunakan politik wang, sebaliknya bertanding bagi jawatan mengikut semangat kekeluargaan dalam parti.

Susulannya pada Selasa lalu, Dr Mahathir mengumumkan semua calon terbabit tidak dibenarkan berkempen dan menggunakan politik wang menjelang pemilihan parti pada 11 Mei depan.

Satu pertemuan yang sama diadakan untuk calon MT malam kelmarin dan walaupun tidak ada ikrar yang sama ditandatangani, semua calon terbabit sebulat suara setuju untuk membanteras gejala rasuah dan politik wang.

Bagaimanapun ada antara calon terbabit meminta Dr Mahathir melonggar syarat supaya jangan berkempen, kerana ada antara mereka tidak begitu popular.

sah: PM